

Bakar mercun rai Aidilfitri amalan membazir, cetus mudarat



Pensyarah
Pengurusan Halal &
Pentadbiran
Muamalat dan
Kewangan Islam,
Pusat Pengajian
Perniagaan Islam
(IBS), Universiti
Utara Malaysia

Ojeh Dr Mohd Farihai Osman
bhrencana@bh.com.my

Dalam keghairahan masyarakat merayakan Syawal bakal menjelma, terdapat kelaziman yang sebenarnya hanya menyebabkan pembaziran iaitu membakar mercun kononnya untuk menyambut dan memeriahkan Aidilfitri.

Walaupun alasan membakar mercun dikatakan ingin bergembira, tetapi tanpa disedari membeli mercun adalah satu pembaziran kerana membeli barang membawa kemudaratannya.

Kelaziman umat Islam membakar mercun bagi merayakan Aidilfitri ini adalah sikap negatif dan perlu dielakkan, apatah lagi ia perbuatan membazir yang dinisbahkan kepada amalan syaitan dan amat ditegah di dalam Islam.

Walaupun pelbagai keburukan dan bahaya mercun digembar-gemburkan sejak sekian lama, namun masyarakat tetap ingin membelinya walaupun menyedari lebih banyak kesan buruk boleh berlaku berbanding kesan positif.

Islam sendiri amat melarang sebarang perbuatan mendatangkan membazir apatah lagi membawa mudarat kepada diri sendiri dan orang lain.

Kaedah Qawaid Fiqh

Larangan ini berpujukan kaedah Qawaid Fiqh bagi menerangkan perkara mudarat iaitu 'sesuatu membawa kemudaratannya tidak boleh dihilangkan dengan kemudaratannya'.

Kaedah Qawaid Fiqh menjelaskan biarpun kemudaratannya itu mesti dihilangkan, namun bukan dengan cara menimbulkan bahaya seperti itu juga. Apatah lagi jika lahir bahaya yang lebih besar.

Hal ini kerana seandainya pembelian dan pembakaran mercun amat berleluasa kerana mahu 'berlawan' atau 'berperang' dengan orang sekeliling, sudah tentu ia bertentangan dengan kaedah berkenaan, bahkan menambahkan masalah lebih besar iaitu kebinasaan akibat bahaya mercun kepada masyarakat.

Hal ini kerana berkemungkinan kerosakan bermain mercun yang wujud pada ketika itu akan menjadi lebih berbahaya seperti menyebabkan kecederaan, kecacatan dan kebakaran.

Padahal akibat bermain mercun sehingga menga-

cam nyawa, menyebabkan kecederaan dan kecacatan pada tubuh badan atau menyebabkan kematian seseorang dianggap menjadi mudarat.

Oleh itu, mercun adalah permainan atau hiburan tidak sepatutnya dijadikan 'hidangan' untuk menyambut Aidilfitri.

Natijahnya, banyak perkara buruk boleh berlaku dan menimpa individu yang bermain mercun terutama kanak-kanak terutama menyebabkan kecederaan dan kecacatan kekal seperti dilaporkan saban tahun.

Mengejar keseronokan sehingga menyebabkan mudarat kepada diri sendiri apatah orang lain amat bertentangan dengan ajaran Islam. Kecacatan dan kecederaan yang berlaku itu pula sudah tentu tidak dapat diperbetulkan lagi.

Atas sebab itu, perbelanjaan yang membazir dan membawa mudarat kepada diri serta orang lain seperti membeli mercun atas alasan ini memeriahkan suasana Syawal dan Aidilfitri patut dihentikan.

Dalam keadaan tertentu, ia wajib dihindarkan apabila kemudaratannya itu membatalkan hak umum walaupun seseorang itu mahu merayakan dan mewujudkan suasana meriah kerana merayakan kedatangan Syawal dan Aidilfitri.